

27/09/1997

Rekod cemerlang Malaysia sukar dipadam

Karim Sulaiman

SEJAK awal bulan ini, banyak berita mengenai Malaysia disiarkan di media massa Britain. Pada awal bulan, mereka banyak menyiarkan berita mengenai masalah ekonomi, kejatuhan saham dan susutan nilai ringgit.

Beberapa akhbar menyiarkan berita ini pada muka depan dan tidak kurang yang menjadikannya berita utama muka depan akhbar masing-masing.

Kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai perkembangan di Malaysia turut mendapat perhatian media massa di sini.

Pada masa ini, apa saja berita `yang tidak kena' mengenai Malaysia mendapat perhatian media massa di sini, walaupun disiarkan hanya satu ruang.

Gambarannya masalah ekonomi di Malaysia teruk, walaupun masalah itu berlaku pada semua negara di Asia Tenggara.

Fokus mereka tetap pada Malaysia, yang disifatkan oleh penganalisis ekonomi Britain, harimau Asia paling garang.

Media massa dalam penyiaran berita masing-masing, tidak terlepas daripada mengkritik dasar ekonomi dan pembangunan kerajaan Malaysia dan seolah-olah mahu mengajar Dr Mahathir apa yang perlu dibuat untuk membaiki keadaan.

Contohnya, apabila kerajaan mengumumkan untuk menangguhkan projek mega, media massa di sini mengulasnya sebagai tindakan bijak.

Reda masalah ekonomi, kini media massa Britain memberi tumpuan kepada masalah jerebu di Asia Tenggara.

Sejak seminggu lalu, liputan mengenai jerebu di Asia Tenggara mendapat liputan meluas di sini, baik di akhbar, mahupun televisyen.

Malangnya, liputan keadaan jerebu lebih terjurus ke Malaysia, sedangkan keadaan di beberapa kawasan lain di Asia Tenggara, terutama Indonesia lebih teruk.

Dalam tempoh sebulan ini, beberapa perjanjian kerjasama ditandatangani di antara syarikat Malaysia dan Britain.

Penerbangan Malaysia (Mas) dan Virgin Atlantic Airways menandatangani perjanjian kerjasama pengangkutan kargo bermula 1 Oktober ini.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif Virgin Atlantic Airways, Richard Branson, berkata Virgin Atlantic mahu bekerjasama dengan Mas kerana yakin dengan kedudukan dan keupayaan syarikat penerbangan nasional itu.

"Kerjasama kami selama ini sungguh cemerlang," katanya.

Selepas itu, Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd (KPJSB) menandatangani Memorandum Kerjasama dengan Universiti John Moore Liverpool.

Semalam, Cable Vision Interactive (M) Sdn Bhd menandatangani perjanjian dengan Interactive Multimedia Business Solution dan Universiti Huddersfield dalam bidang multimedia.

Minggu depan pula, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz akan menyampaikan ucap utama di Seminar Malaysia: Pusat Keuntungan Di Asia untuk menarik lebih ramai lagi pelabur Britain ke Malaysia.

Apa yang jelas rekod cemerlang Malaysia selama ini sukar dipadam atau dijejaskan dengan keadaan yang berlaku sekarang.

(END)